

MEMPERTINGKATKAN PENYAMPAIAN AL-QURAN DAN HADIS MENGIKUT PERKEMBANGAN TEKNOLOGI ERA GLOBALISASI

Muhammad Syamim Bin Mohd Risti¹
Saidussyazwi Bin Abd Wahap²
Muhammad Dinniah Bin Misni³
Maisarah Saidin⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: msyamim66@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (Email: Saidusawie98@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: dinniahmisni@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: mairsarah@usim.edu.my)

Abstrak: Penggunaan teknologi tinggi zaman kini untuk meningkatkan kualiti kehidupan manusia diterapkan dalam kajian ini, bersama-sama dengan bagaimana ia berkaitan dengan pendidikan Al-Quran dan hadis dalam era globalisasi. Terdapat juga beberapa matlamat untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran hadis serta ciri-ciri penggunaan teknologi yang bersesuaian. Dalam kajian ini juga terdapat penerangan bagaimana Rasulullah SAW memanfaatkan dan mengutarakan teknologi pembelajaran pada zamannya. Kemudian, pelbagai alat teknologi praktikal yang akan digunakan dalam pengajaran dan kajian hadis serta Al-Quran juga disediakan, bersama-sama dengan contoh. Iltizam perlu diperkukuhkan dan kerja-kerja dakwah perlu digandakan dengan menggerakkan seluruh sumber ummah. Demi meningkatkan keberkesanan dakwah kepada khalayak secara luas, teknologi ICT adalah sesuatu yang penting dan kritis untuk diguna pakai dengan sebaiknya. Jadi, untuk memanfaatkan sepenuhnya teknologi yang terlibat, faedah dan kekurangannya juga diketengahkan dan dibincangkan. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan membuka ruang dan memberi inspirasi kepada kejayaan teknologi seterusnya yang sedang dihasilkan sekarang dan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Pendidikan Hadis Dan Al-Quran, Teknologi ICT, Zaman Rasulullah SAW, Aplikasi Pendidikan

PENGENALAN

Cara hidup umat Islam di dunia moden telah mengalami perubahan yang ketara hasil daripada masa dan teknologi yang berkembang pesat mengikut peredaran zaman. Umat Islam sebelumnya bergantung kepada media bersurat seperti akhbar dan majalah sahaja untuk mengikuti perkembangan terkini sebelum wujudnya media penyiaran umum seperti radio, televisyen dan yang terbaru, media sosial. Lantas, ternyata perkembangan teknologi moden alaf baru lebih menyukarkan umat Islam kerana terdapat pelbagai bentuk yang tidak boleh difahami dek akal dan amat mencabar untuk ditapis berkaitan kesahihan sesuatu maklumat itu. Justeru, tidak hairanlah majoriti kandungan mematuhi norma Barat kerana Barat menguasai teknologi moden.

Seperti yang kita tahu, setiap kelompok manusia di dunia ini tidak lari daripada melalui proses pendidikan dalam kehidupan. Seseorang itu secara tidak langsung menerima pelbagai bentuk pendidikan serta pembelajaran seiring dengan perubahan mental dan fizikal yang dilalui sejak mereka dikandung dalam kandungan ibu mereka sehinggalah mereka dilahirkan dan dibesarkan. Oleh itu, seseorang itu akan dapat menentukan hala tuju masa depan dan sifat perwatakannya melalui medium pendidikan.

Dari segi maklumat dan data, globalisasi merujuk kepada kemasukan sistem teknologi canggih dan aliran bebas maklumat merentasi semua sempadan politik, sosial dan geografi. Ini dapat dilihat dalam fenomena dan proses globalisasi yang menggunakan pelbagai alat pemangkin termaju yang menggabungkan penggunaan internet ke serata dunia.

Teknologi moden membolehkan pendidikan tersebar dengan lebih meluas pada masa kini. Kelebihannya, kaedah cepat ini juga boleh digunakan untuk menyebarkan ilmu-ilmu sunnah. Apabila kita melibatkan diri dan berurusan dengan media, ia bererti kita berhadapan dengan manfaat atau kemudatan secara langsung dan tidak langsung. Hal ini kerana kebarangkalian besar pelbagai maklumat palsu telah diwujudkan dan sedang dieksploitasikan oleh pihak Barat untuk memesongkan akidah umat Islam. Oleh itu umat Islam harus memikirkan kembali panduan hidup yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah ketika mereka menghadapi cabaran semasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian analisis dokumen. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan dokumen-dokumen daripada pihak yang bertanggungjawab sebagai sumber primer seperti jurnal artikal, buku, dan laman web rasmi. Manakala kepustakaan sebagai sumber sekunder. Analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan komparatif.

KAJIAN LEPAS

Artikel yang bertajuk ‘Pengembangan Media Pembelajaran Akidah Dengan Konsep “Qurani” Berbasis Ict Untuk Siswa Sekolah’ menyatakan profesional pendidikan kini membincangkan pembangunan media dengan harapan ia dapat meningkatkan pemahaman pelajar tentang topik yang diajar. Pembinaan prinsip-prinsip agama yang berteraskan Al-Quran menjadi penyambung untuk merealisasikan murid-murid yang cemerlang dalam akademik dan berakhlak mulia (Romli, et al., 2021). Selain itu, artikel yang bertajuk ‘Media Pembelajaran Dalam Perspektif Al- Quran da hadits’ mendapati jika difikirkan kembali pada zaman Rasulullah SAW, aktiviti pembelajaran dan pengajaran sememangnya sudah terkenal. Hasilnya, Rasulullah SAW sebenarnya menggunakan media pembelajaran yang telah ada pada masa itu. Beliau sedang menyampaikan maklumat kepada

rakan-rakannya, dan peranan media dalam penyebaran bahan pengajaran agama Islam tidak dapat dipisahkan daripada perkara ini (Siti Nur Azizah, 2021).

Seterusnya, artikel yang bertajuk ‘Media Baharu dan Impak Terhadap Dakwah’ mendedahkan bahawa percambahan kandungan Islam dalam media baharu telah memudaratkan dakwah di kalangan pengguna internet, khususnya berkaitan penerimaan mereka terhadap kefahaman Islam dalam aqidah, ibadah dan akhlak (Abd Hadi Borham, 2018). Artikel yang seterusnya, bertajuk ‘Pandemik COVID-19: Cabaran dan Impak dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid’ menyatakan dapatan menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada sektor Pendidikan Islam, baik secara positif mahupun negatif. Impak positif menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam kini mempunyai lebih banyak ruang untuk menjadi kreatif dan inovatif apabila menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Kesan negatif, seperti kadar keciciran pelajar, telah dijelaskan (Siti Aisyah Ibrahim, et al., 2021). Selain itu, kajian yang bertajuk ‘Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur’ mendapati bahawa pembangunan teknologi digital yang berterusan diperlukan untuk memberi impak yang besar kepada keilmuan hadith memandangkan pengajian hadis berasaskan teknologi maklumat (Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir et al., 2021).

Berikutnya, Kajian yang bertajuk ‘Pendidikan Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0’ menyatakan bahawa Pendidikan Islam mesti ditransformasikan agar dapat memberi penyelesaian kepada cabaran dan kemelut yang berlaku sekarang. Bagi melahirkan generasi yang utuh serta sumber manusia yang cemerlang dan berdaya saing yang mempunyai daya kreativiti, inovasi, perwatakan, berdikari, kewarganegaraan, dan beragama dalam menghadapi Era 4.0 di mana manusia diharapkan cepat, tepat, berkesan, dan mujarab, memperkukuh Islam. institusi pendidikan juga memerlukan tumpuan yang lebih. Ini termasuk memperkukuh pengurusan pendidikan Islam, kepimpinan pendidikan Islam, dan pembaharuan dasar Pendidikan (Adun Priyanto, 2020). Selain itu, artikel yang bertajuk ‘Kepentingan Pengajaran dan Pemudahcaraan Berbantuan Permainan Digital’ bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah telah mendapati bahawa teknologi terkini yang digunakan dengan komputer peribadi, termasuk permainan digital, membantu murid di sekolah rendah mempelajari lebih lanjut tentang Islam. Adalah penting bahawa permainan ini digunakan dalam PdPc Pendidikan Islam (Nuril Ham Al Hafizah Zahari, et al., 2021). Tambahan lagi, kajian yang bertopik ‘Peran Teknologi Informasi Dalam Pendidikan Agama Islam Untuk Menghadapi Tantangan di Era Global Dan Generasi Z’ telah mendapat hasil dari kajiannya iaitu pendidikan agama Islam menjadi rujukan penting dalam era global semasa dan dalam kalangan generasi Z. Yang tidak dapat dinafikan adalah benar, bagi mengelakkan generasi Z daripada menggunakan teknologi yang sangat canggih ini secara tidak betul (Abdul Hamid Arribathi et al., 2021).

SUBTOPIK :

1. Impak Penggunaan Teknologi ICT Dalam Pendidikan Hadis Dan Al-Quran

1.1 Kebaikan

Pada era globalisasi ini, setiap kajian ilmu ianya sangat sinonim dengan ICT. Hal ini kerana, teknologi ini membolehkan kita mengakses maklumat dengan lebih mudah, ia juga memudahkan proses pembelajaran dan membantu kita dalam berkomunikasi dengan berkesan. Malah, jika dilihat dari sudut ini, tidak sukar untuk kita mengaitkan ICT dalam Pendidikan hadis dan Al-Quran. Ini kerana ICT sangat berkait rapat dengan semua jenis ilmu dan ianya salah satu proses penyebaran ilmu yang mengajak manusia untuk mengenali ilmu hadis dan Al-Quran dengan lebih mendalam.

Selain itu, satu aspek yang sangat terkenal dalam ilmu ICT adalah multimedia. Multimedia ialah aplikasi alat dan gajet ICT yang menggabungkan penggunaan deria (khususnya pendengaran dan penglihatan) sebelum diproses oleh minda untuk mewujudkan pemahaman yang tajam. Oleh itu, banyak kebaikan yang boleh disenaraikan dalam penggunaan teknologi ICT dalam Pendidikan hadis dan Al-Quran. Antaranya ialah dapat menjimatkan masa, menjimatkan wang, interaktif dan tanpa sempadan.

Dengan itu, masa boleh dijamin serta dioptimumkan penggunaannya agar mendapat hasil yang terbaik. Begitu juga dengan kos yang minimum, pendidikan hadis boleh disampaikan kepada masyarakat dengan hasil penciptaan pelbagai alat teknologi. Sebagai contoh boleh mewujudkan aplikasi hadis dan Al-Quran. Ianya lebih memudahkan orang ramai mempelajari ilmu tersebut tanpa mengira waktu atau dimana mereka berada.

Akhirnya, dengan cara itu, ia boleh menarik golongan kanak-kanak, remaja mahupun orang dewasa untuk mempelajari ilmu hadis dan Al-Quran. Penyebaran ilmu dengan cara itu juga dapat merentasi sempadan yang mana ia memungkinkan orang ramai dapat mengakses di mana-mana sahaja pada bila-bila masa. Justeru itu, teknologi ICT jika dapat digandingkan dengan hadis dan Al-Quran pada masa kini akan dapat mempertingkatkan lagi penyebarannya dalam kalangan masyarakat.

1.2 Keburukan

Dari aspek negatif dalam penggunaan teknologi ict dalam pendidikan hadis dan Al-Quran pula akan ada juga keburukan yang wujud. Hal ini kerana, peningkatan penggunaan teknologi moden dari masa ke semasa boleh membawa pelbagai kesan yang tidak baik terhadap seseorang individu tersebut. Antara kesan buruk penggunaan teknologi ialah penyalahgunaan teknologi, kesahihan maklumat atau pun maklumat palsu dan kebergantungan kepada maklumat tanpa merujuk sumber asal sesuatu maklumat tersebut. Terdapat juga pengguna yang menyalahgunakan kemudahan teknologi untuk menyebarkan fahaman yang salah. Ini bererti kesalahan seperti itu memang disengajakan dan hanya bertujuan merosakkan fahaman umat Islam.

Seterusnya, kesahihan maklumat adalah salah satu keburukan dalam penggunaan teknologi. Berpandukan kepada dalil Naqli iaitu ayat al-Quran Allah berfirman yang bermaksud: "Sekiranya datang kepadamu orang yang fasik (jahat) membawa berita maka hendaklah kamu berwaspada (berhati-hati) akan kebenarannya". Surah Al-Hujurat, ayat 6. Oleh itu, kita harus bersikap berhati-hati dalam mengambil tahu maklumat berkaitan hadis. Ini boleh menjadi faktor utama penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat walaupun didasari niat yang baik.

Keburukan yang lain adalah teknologi ICT ini akan menjejaskan kesihatan terhadap para pengguna. Hal ini tidak dapat dinafikan bahawa kegunaan ICT dapat menjejaskan kesihatan kerana terdapat ICT yang mengeluarkan radiasi elektromagnetik yang dikaitkan dengan penyakit barah dan keguguran kandungan. Oleh itu, kita sebagai pengguna harus mengurangkan penggunaan teknologi ICT dalam kehidupan seharian kita.

Akhir sekali, ada kemungkinan dengan teknologi akan menyebabkan juga kekeliruan masyarakat. Sebagai contoh, ada kalanya hadis yang disebarkan di internet atau platform media yang lain juga didapati adanya bercampur-baur antara hadis yang sahih dan juga tidak sahih. Dengan percampuran tersebut akan menyebabkan kekeliruan dalam penggunaan dan pengamalan hadis yang mana tidak diketahui sumber sebenar hadis tersebut. Tambahan pula, masyarakat kini yang sangat bergantung penuh kepada teknologi internet dan tidak mempunyai usaha untuk mengkaji dari mana asal usul setiap hadis yang ditemuinya itu. Apa yang memburukkan lagi, ada juga mereka yang terus-

menerus berkongsi hadis tersebut sesama rakan media sosial mereka tanpa mengkaji ketepatan maklumat yang disebarkan itu.

2. Aplikasi Teknologi Pendidikan di Zaman Rasulullah S.A.W

Pada zaman Rasulullah SAW, Rasulullah SAW telah mengaplikasikan pelbagai bentuk cara yang wujud pada masa tersebut sebagai cara untuk memudahkan penyampaian ilmu kepada para sahabat. Baginda Rasulullah SAW telah berkomunikasi dengan umatnya berteraskan akal fikiran mereka. Baginda Rasulullah SAW juga telah berinteraksi dengan umatnya mengikut keadaan serta mengikut kesesuaian pada masa itu. Dalam situasi ini, Baginda SAW pernah melakar garisan di atas tanah serta membuat isyarat tertentu supaya dapat menjelaskan perkara yang ingin disampaikan. Baginda juga pernah membuat perbandingan antara konsep tertentu dengan bahan yang ada pada masa itu agar para sahabat dapat faham dengan mudah. Baginda juga telah mempelbagaikan intonasi suara dalam menyampaikan ilmu. Terdapat beberapa contoh yang diperoleh daripada Sunnah Baginda SAW.

2.1 Lakaran atau lukisan di atas tanah.

Baginda Rasulullah SAW pernah membuat lakaran di atas tanah untuk memberikan gambaran yang sesuai dengan perkara yang ingin disampaikan. Ini yang diterangkan dalam hadis berikut:

عن عبد الله بن مسعود، قال: خط لنا رسول الله صلى الله عليه وسلم خطاً، ثم قال: "هذا سبيل الله"، ثم خط خطوطاً عن يمينه وعن شماله، ثم قال: "هذه سبيل - قال يزيد: متفرقة - على كل سبيل منها شيطان يدعو إليه"، ثم قرأ: (وَأَنْ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السَّبِيلَ، فَتَفْرَقَ بَكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ)

Riwayat Imam Ahmad (4142), Darimi (202), Nasa'ei (11174)

Yang bermaksud: Dari Abdullah ibn Mas'ud RA berkata: Rasulullah SAW membuat untuk kami satu garisan kemudian bersabda "Ini jalan (sabil) Allah SWT" kemudian Baginda SAW membuat beberapa garisan di kiri dan di kanan garisan tadi seraya bersabda "Ini jalan-jalan, dan lebih bercabang-cabang, pada setiap jalan ada syaitan yang menyeru ke arahnya" kemudian Baginda SAW membaca ayat berikut (al-Hakim, 3241)

2.2 Menggunakan isyarat jari, tangan dan tongkat.

Baginda SAW telah menyampaikan pengajaran menggunakan isyarat-isyarat yang memberi maksud tertentu. Isyarat yang digunakan mudah difahami. Baginda SAW menggunakan jari, tangan dan tongkat sebagai jawapan kepada soalan tertentu. Ini yang diterangkan dalam hadis berikut:

عن ابن عباس أن النبي صلى الله عليه وسلم سئل في حجته فقال: ذبحت قبل أن أرمي؟ فأوماً بيده، قال: «ولا حرج» قال: حلقت قبل أن أذبح؟ فأوماً بيده: «ولا حرج»

(Sahih Bukhari, 84)

Yang bermaksud: Dari Ibn 'Abbas RA bahawa Nabi SAW ditanya semasa Baginda SAW dalam haji, "Saya menyembelih (dam terlebih dahulu) sebelum melontar (Jamrah 'Aqabah pada hari ke-10)?" maka Baginda SAW memberi isyarat dengan tangannya berkata "Tidak mengapa". Berkata (bagi

soalan yang lain): “Saya bercukur (terlebih dahulu) sebelum menyembelih (dam)?” maka Baginda SAW memberi isyarat dengan tangannya berkata “Tidak mengapa”

Dalam hadis ini, Baginda Rasulullah SAW menjawab persoalan yang dikemukakan kepadanya yang berkaitan dengan haji justeru Rasulullah menjawab dengan menggunakan isyarat tangan dan kepala. Isyarat yang mudah difahami maksudnya iaitu “tidak mengapa”.

2.3 Membuat perbandingan konsep dengan objek.

Baginda SAW pernah membandingkan orang Islam dengan sebatang pokok yang tidak berguguran daunnya iaitu pohon tamar.

إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجْرَةً لَا يَسْقُطُ وَرَقُهَا، وَإِنَّهَا مِثْلُ الْمُسْلِمِ، فَحَدِّثُونِي مَا هِيَ؟ فَوَقَعَ النَّاسُ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي. قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: وَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ، فَاسْتَحْيَيْتُ، ثُمَّ قَالُوا: حَدِّثْنَا مَا هِيَ؟ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ فَقَالَ: هِيَ النَّخْلَةُ. قَالَ: فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِعُمَرَ، قَالَ: لِأَنْ تَكُونَ قُلْتِ: هِيَ النَّخْلَةُ، أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ كَذَا وَكَذَا

(Sahih Bukhari, 61)

Yang bermaksud: Dari Abdullah bin ‘Umar RA berkata, Rasulullah SAW bersabda “Sesungguhnya terdapat dari kalangan pokok ada sebatang pokok yang tidak berguguran daunnya, dan sesungguhnya pokok itu seumpama muslim, maka beritahu padaku pokok apa?” Maka setiap sahabat meneka dengan menyebut semua jenis pokok (yang mereka tahu). Berkata Abdullah (ibn ‘Umar) “Terlintas dalam fikiranku bahawa ia adalah pokok tamar, akan tetapi aku agak malu menyebutnya”. Kemudian mereka berkata, “Beritahu pada kami wahai Rasulullah apa (jawabannya)”, Baginda SAW bersabda “Ia pokok tamar”. Ibn ‘Umar berkata, “Aku menyatakan perkara tersebut kepada ‘Umar (bapanya), (lalu) beliau berkata, kalau kamu sebutkannya (tadi), ia pokok tamar, lebih baik bagiku dari sekian dan sekian”.

3. Aplikasi Teknologi Moden Zaman Kini Dalam Pendidikan Hadis dan Al-Quran

Terdapat banyak contoh-contoh tekbologi moden zaman kini yang boleh didapati pada zaman kini dan sangat berguna dalam Pendidikan hadis dan Al-quran. Antara contoh teknologi moden yang membantu dalam Pendidikan hadis dan Al-quran adalah seperti berikut.

3.1 Teknologi komunikasi.

Pada era globalisasi ini, komunikasi adalahh cara yang amat terbaik dan mudah untuk seseorang itu berhubung antara satu sama lain tanpa garis sepadan. Komunikasi juga amat penting untuk menyebarkan maklumat dengan lebih mudah dan cepat antara satu sama lain. Contohnya, telefon pintar digunakan untuk berkomunikasi dengan manusia yang jauh berbatu tanpa sebarang penyekatan. Telefon pintar adalah satu alat yang mudah dibawa kemana-mana kerana saiznya tidaklah terlalu besar dan ianya boleh disimpan didalam poket. Dari masa ke semasa, teknologi telefon pintar ini amat canggih yang dilengkapi dengan kamera, internet dan paling penting boleh memuat turun pelbagai aplikasi. Oleh itu, terdapat aplikasi pencarian hadis yang boleh dimuat turun daripada App Store iaitu aplikasi Mausuh al-Hadithiyyah. Dengan adanya aplikasi tersebut, pengguna boleh mencari hadis didalam telefon pintar itu.

Seterusnya, computer dan internet juga merupakan teknologi yang boleh digunakan dalam teknologi komunikasi pada zaman kini. Pada zaman ini, penggunaan internet dan komputer

merupakan penggunaan yang amat meluas dikalangan masyarakat kita pada masa kini. Mana taknya, hampir setiap rumah mempunyai komputer dan internet bertujuan untuk memudahkan lagi urusan komunikasi antara mereka yang tinggal jauh berbatu. Selain itu, dengan penggunaan internet dan komputer, masyarakat zaman kini boleh mencari maklumat diujung jari sahaja tanpa mengeluarkan peluh ataupun tanpa pergi rumah ke rumah untuk mendapatkan maklumat.

Antara contoh perisian komputer ialah seperti Maktabah Syamilah. Perisian itu telah menyediakan akses hadis yang lengkap untuk dirujuk oleh sesiapa sahaja asalkan tahu untuk menggunakannya. Begitu juga, terdapat laman web seperti al-Durar al-Saniyyah yang boleh diakses untuk membuat rujukan berkaitan dengan hadis Rasulullah dengan mudah dan tepat.

3.2 Teknologi penyiaran

Seperti yang kita tahu, penyiaran adalah satu platform yang digunakan untuk menyebarkan maklumat secara langsung dengan menggunakan dua benda iaitu televisyen dan radio. Di Malaysia, terdapat pelbagai rancangan yang berbentuk ilmiah yang boleh ditonton melalui televisyen dengan tujuan untuk menambah ilmu dan maklumat kepada masyarakat diseluruh dunia. Antara rancangan televisyen yang memberikan ilmu yang berkualiti dan berguna kepada masyarakat ialah al-kuliyah dan banyak lagi.

Selain itu, radio juga boleh memainkan peranan yang penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penyiaran. Sebagai manusia, terdapat banyak deria yang diperolehi antaranya deria pendengaran. Antara saluran radio yang berbentuk ilmiah adalah seperti IKIM.fm. Pelbagai ilmu boleh diperolehi melalui siaran radio ini ialah tentang kisah Rasulullah SAW, azan dan banyak lagi. Selain itu, terdapat beberapa pendakwah yang bersiaran di radio ini untuk menyebarkan ilmu kepada semua.

Akhir sekali media cetak. Media cetak juga memainkan peranan yang penting untuk menyebarkan maklumat. Hal ini disebabkan oleh maklumat boleh dicetak dan disebarkan kepada orang lain. Sebagai contoh di Malaysia, mempunyai beberapa media cetak yang menyebarkan maklumat tentang agama Islam iaitu majalah solusi, majalah gen-Q dan banyak.

4. Halangan Penggunaan Aplikasi ICT Dalam Pembelajaran Berkaitan Hadis

Apabila maklumat semua diujung jari, maka akan berlakunya peningkatan penggunaan teknologi moden dari masa ke semasa serta boleh membawa kepada berlakunya pelbagai kesan buruk kepada individu. Akan tetapi tidak semua individu mampu untuk mengikuti perkembangan teknologi yang sedia ad aini. Hal ini disebabkan mungkin individu berkenaan tidak mempunyai kemampuan untuk memiliki dan mengikuti aliran teknologi ini.

Selain itu, halangan penggunaan aplikasi ICT dalam pembelajaran berkaitan hadis boleh diperolehi apabila seseorang itu tidak mahir menggunakan teknologi ICT. Hal ini mungkin berlaku pada golongan warga emas. Golongan ini mungkin tidak dapat memahami tentang penggunaan aplikasi ICT tersebut. Oleh itu, mungkin ada cara yang lain untuk beri mereka faham tentang hal ini seperti menggunakan media penyiaran iaitu televisyen dan radio. Seterusnya, apabila maklumat semua diujung jari, sudah tentulah aka nada yang bersikap tidak berhati-hati dalam menyampaikan maklumat berkaitan hadis. Ini membolehkan ia menjadi satu faktor yang besar untuk berlakunya penyebaran hadis palsu didalam kalangan masyarakat walaupun dengan dia suci.

Seterusnya, aplikasi ICT yang berkaitan hadis belum berleluasa dikalangan masyarakat. Hal ini disebabkan mungkin kerana kalangan masyarakat tiada lagi yang mengetahui tentang aplikasi

tersebut. Akhir sekali, penggunaan aplikasi ini menjadi terhalang apabila masyarakat kurang minat terhadap pembelajaran hadis ini. Perkara ini berlaku disebabkan masyarakat kini lebih tertarik dengan aplikasi yang mengikut trend seperti tiktok, Instagram dan lain-lain. Jadinya, minat untuk membaca bahan ilmiah seperti aplikasi yang berkaitan hadis ini semakin

CADANGAN

Namun demikian, pelbagai usaha para ilmuwan Islam bagi memartabatkan dan mengembalikan kehidupan masyarakat berasaskan Quran dan sunnah yang dapat diteruskan melalui penggunaan teknologi. Tambahan pula, pada zaman ini penyebaran melalui teknologi dilihat lebih berkesan serta memudahkan penyebarannya ke serata dunia. Pelbagai cara dan usaha turut dikenalpasti yang boleh memantapkan teknik serta pendekatan pendidikan sunnah pada era globalisasi ini. Hal ini juga, dapat membuktikan bahawa Islam itu mampu disebarkan melalui pelbagai cara tradisional mahupun kontemporari iaitu penggunaan teknologi moden.

Ini adalah antara cadangan kami dalam penggunaan Teknologi ICT Dalam Pendidikan Hadis dan Al-Quran di era globalisasi ini:

1. Mencipta platform yang dapat menarik minat kanak-kanak mahupun remaja seperti mencipta aplikasi yang mempunyai kandungan mengenai ilmu hadis dan Al-Quran.
2. Memperbanyakkan rancangan berbentuk keagamaan dalam media masa.
3. Melengkapkan diri dengan ilmu dan kepakaran ICT agar dapat membangunkan sendiri bahan yang lebih menarik.
4. Para ilmuwan yang mahir dalam bidang ICT perlu memperbanyakkan lagi aplikasi yang berkaitan pendidikan sunnah.
5. Menggunakan peralatan yang canggih untuk meningkatkan kualiti bahan penyampaian sunnah, seperti video, poster dan sebagainya.

KESIMPULAN

Tuntasnya, seseorang pendakwah haruslah kreatif dalam penggunaan mekanisme dakwah. Kemudahan ICT adalah salah satu cara yang sepatutnya digunakan secara menyeluruh dalam rangka dakwah yang sesuai dengan ajaran Islam. Mereka juga mestilah mempunyai kepakaran dan ilmu yang cukup dalam menguasai kepakaran dalam bidang ICT. Oleh itu, dakwah melalui ICT dapat dinilai sebagai salah satu kaedah yang efektif dan berpotensi baik pada masa kini. Kaedah dan method untuk berdakwah itu sangat banyak dan luas, atau bahkan mungkin tidak akan ada batasnya. Hal ini kerana, semua perkara mampu dilakukan oleh manusia selagi mana tidak bertentangan dengan syariat Islam. Maka hal itu boleh dijadikan sebagai cara, kaedah dan method dalam Pendidikan Hadis Dan Al-Quran.

RUJUKAN

- Arribathi, A. H., Supriyanti, D., Astriyani, E., & Rizky, A. (2021). Peran Teknologi Informasi Dalam Pendidikan Agama Islam Untuk Menghadapi Tantangan Di Era Global Dan Generasi Z. *Alphabet Jurnal Wawasan Agama Risalah Islamiah, Teknologi Dan Sosial*, 1(1), 55-64.
- Azizah, S. N. (2021). Media Pembelajaran Dalam Perspektif Al-Qur'an Dan Al-Hadits. *Jurnal Literasiologi*, 6(1).
- Borham, A. H. (2018). Media Baharu dan Impak Terhadap Dakwah. *Sains Humanika*, 10(3-4).
- Ibrahim, S. A., & Razak, K. A. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran dan Impak dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid [COVID-19 Pandemic: Challenges and Impact in Islamic Education and Student Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(1), 89-94.
- Nasir, M. K. M., Zaman, A. R. K., Azid, M. A. A., & Hussain, A. A. (2021). Trend kajian hadis berasaskan teknologi maklumat dan digital: suatu sorotan literatur. *HADIS*, 11(22), 770-779.
- Priyanto, A. (2020). Pendidikan Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0. *J-PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6(2).
- Romli, U., Suwarma, D. M., Islamy, M. R. F., & Parhan, M. (2021). Pengembangan Media Pembelajaran Akidah Dengan Konsep “Qurani” Berbasis Ict Untuk Siswa Sekolah. *Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran Guru Sekolah Dasar (JPPGuseda)*, 4(1), 60-64.
- Pito, A. H. (2018). Media Pembelajaran dalam Perspektif Al-Qur'an. *Andragogi: Jurnal Diklat Teknis Pendidikan Dan Keagamaan*, 6(2), 97-117.
- Zahari, N. H. A. H., Bidin, S. N. B. S., & Syamsuddin, S. N. W. (2021). Kepentingan Pengajaran dan Pemudahcaraan Berbantuan Permainan Digital bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 19-28.
- Syed Hassan, S. N. (Ed.). (2016). *Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisas* (1st ed.).
- Dawilah Al Idrus, P. D. S. M., & Solehan, U. M. L. (2009). *Peranan Ict Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.